

25/12/2003

Penangguhan projek landasan RM14.47b wajar disokong

Muhtar Suhaili

MAHASISWA sebagai sebahagian daripada entiti penting dalam masyarakat wajar untuk mengikuti dan memberikan pandangan di dalam segala isu dan perkembangan yang berlaku sama ada di dalam negeri mahupun pada peringkat antarabangsa.

Justeru, mahasiswa menyambut baik langkah dan keputusan terbaru yang dibuat oleh Kabinet untuk menangguhkan pembinaan projek landasan kereta api elektrik berkembar bernilai RM14.47 billion ke satu tempoh yang tidak ditentukan bagi memberi keutamaan kepada projek pembangunan lain.

Kami merasakan bahawa ini adalah satu langkah proaktif yang bijak oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ini kerana dengan penangguhan projek infrastruktur mega itu kerajaan akan dapat memberi penumpuan kepada pembangunan menyeluruh dan bersepadu yang akan dapat dinikmati rakyat jelata.

Selain itu, langkah ini juga dilihat sebagai satu usaha untuk menjana belanjawan berhemat ke arah merealisasikan hasrat kerajaan untuk mempunyai bajet seimbang menjelang 2006.

Lebih daripada itu, mahasiswa juga melihat dengan penangguhan salah satu projek menelan berbilion ringgit itu dapat memperkukuhkan lagi keadaan ekonomi negara yang masih tidak begitu stabil selepas Krisis Kewangan 1997.

Mahasiswa berkeyakinan bahawa dengan kebijaksanaan Perdana Menteri, langkah yang progresif akan dilaksanakan bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan kualiti kesejahteraan rakyat dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) dengan peruntukan dana sebanyak RM160 billion.

Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad pada ucapan terakhirnya di Parlimen sewaktu membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal RM-8 pada 30 Oktober yang lalu menyatakan bidang pendidikan adalah salah satu sektor diberikan penumpuan. Justeru, mahasiswa berharap agar kerajaan akan memberi fokus lebih kepada meningkatkan kualiti infrastruktur seperti sekolah, makmal komputer dan sebagainya khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar.

Selain itu, merujuk kepada laporan terbaru yang menyatakan tiga negeri kekurangan guru bagi sekolah rendah, maka sewajarnya, pembangunan sumber manusia di arena pendidikan diperkasakan dan dimantapkan.

Mahasiswa juga bimbang dengan situasi semasa yang menunjukkan gejala gangsterisme pelajar kian membimbangkan dari semasa ke semasa. Krisis pembangunan insan yang kian meruncing ini sekiranya tidak diberi perhatian yang serius akan menjadi darah daging dan menyebabkan ia menjadi penyakit yang kronik.

Oleh itu, bagi memastikan generasi muda iaitu harapan negara dan nadi bangsa di masa mendatang, mahasiswa berharap agar `projek pembangunan spiritual' akan lebih diberi keutamaan seimbang dengan pembangunan fizikal yang ada.

Begitu juga menyedari hakikat kesejahteraan rakyat adalah agenda terpenting kerajaan dan bagi memastikan seluruh rakyat Malaysia mendapat pendidikan yang optimum, mahasiswa ingin mencadangkan agar sistem `pendidikan percuma' untuk semua peringkat pendidikan dilaksanakan.

Cadangan ini tidak lebih sebagai satu pandangan mengenai negara yang disayangi dan bukanlah pula untuk mengambil peranan kerajaan atau memberitahu apa yang patut atau tidak.

Tetapi atas sikap keprihatinan, semoga saranan ini akan diberi perhatian yang sewajarnya ke arah merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan agar golongan muda akan mendapat kelulusan pendidikan sekurang-kurangnya peringkat diploma menjelang tahun 2010.

MUHTAR SUHAILI,

Presiden
Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia